

30 JUL 1997

TIADA SEBAB RINGGIT JATUH ATAS ASASI LEMAH, KATA DAIM

Oleh: Jamaluddin Mohamed

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- Penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin, hari ini berkata dakwaan oleh spekulasi "penyangak" bahawa nilai ringgit jatuh mendadak kerana asasi ekonomi Malaysia lemah adalah tidak berasas sama sekali.

Sebelum mereka melakukan serangan spekulatif kira-kira tiga minggu lalu, "semuanya stabil dan asasi ekonomi adalah baik," katanya.

"Jika tiada spekulator, semuanya akan stabil," katanya kepada pemberita selepas menjadi pengantara pada sesi khas tertutup untuk ketua-ketua negara/kerajaan di hari terakhir Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) selama tiga hari di sini.

Daim berkata mesti ada sebab bagi matawang untuk turun naik sedemikian rupa, dan menambah bahawa tiada masalah sebelum serangan spekulatif itu bermula.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan seorang pegawai pentadbiran Amerika Syarikat, Stuart Eizenstat semalam bahawa negara-negara Asia mesti memperbetulkan asasi ekonomi mereka dan jangan mempersalahkan orang lain berkaitan krisis matawang baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyebut bahawa pembiaya kewangan Amerika Syarikat George Soros sebagai orang yang mendalangi ketakstabilan matawang negara-negara Asia Tenggara.

"Jika tiada siapa datang dan mengganggu-gugat matawang di rantau ini, matawang berkenaan akan stabil. Punca bagi turun naik itu ialah kerana ada orang yang datang dan terlibat dalam spekulasi," kata Daim.

Katanya Amerika Syarikat boleh berkata apa yang ia suka tetapi hakikatnya ialah terlalu banyak pergerakan turun naik matawang yang tidak seharusnya berlaku.

Daim berkata jika orang mahu membuat spekulasi, negara-negara di rantau ini tidak dapat berbuat apa-apa.

Bagaimanapun, sebuah pasaran yang bebas tidak bermakna yang orang juga bebas untuk datang dan menggugat kestabilan ekonomi orang lain, katanya.

"Seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri...jangan ganggu kami kerana kami dapat menguruskan ekonomi sendiri," kata Daim.

Beliau berkata jika Soros hendak menafikan penglibatannya menyerang matawang di rantau ini, Malaysia tidak dapat berbuat apa-apa.

Serangan itu bermula dengan baht Thai dan kemudian menjejaskan matawang Filipina, Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Mengulas mengenai perjanjian pembelian semula oleh bank-bank pusat Asean di Shanghai minggu lalu, Daim berkata ia akan membolehkan negara-negara lain yang menandatangani perjanjian itu untuk mempertahankan sesebuah negara apabila matawangnya diserang.

"Bagaimanapun, jika serangan itu membabitkan semua matawang pada masa yang sama, maka mereka terpaksa mempertahankan matawang masing-masing," katanya.

Perjanjian pembelian semula itu membolehkan negara yang menandatangani membeli matawang asing di negara yang menghadapi serangan ke atas matawangnya sebagai langkah untuk menstabilkan matawang negara berkenaan.

Mengenai kegiatan sesetengah rakyat Malaysia yang mengambil kesempatan daripada kedudukan semasa matawang, Daim berkata sudah tentu ada orang yang hanya mementingkan keuntungan untuk diri sendiri. -- BERNAMA

JM SIA